

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 25 MEI 2024

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 10

Dasar Gaji Progresif atasi struktur peningkatan pendapatan perlahan

Dasar Gaji Progresif atasi struktur peningkatan pendapatan perlahan

● Salah satu tujuan Dasar Gaji Progresif adalah untuk mengatasi masalah jurang gaji antara pekerja baharu dan lama serta graduan

● Latihan dan pembangunan kemahiran menjadi komponen penting dalam dasar ini, memastikan pekerja mempunyai peluang terus maju dalam karier



Profesor Undang-Undang (Buruh dan Industri), Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Oleh Dr Kamal Halili Hassan
bhrencana@bh.com.my

Dalam ucapan Perutusan Negara pada Selasa lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyentuh tiga aspek penting berkait dengan pekerjaan dan pendapatan rakyat.

Pertama, beliau menyatakan pasaran buruh berkembang sebanyak 2.1 peratus, menjadikan jumlah tenaga buruh meningkat kepada 16.4 juta. Kedua, negara menasaskan pendapatan bulanan pekerja dalam industri pembuatan meningkat sekurang-kurangnya kepada RM4,500 menjelang 2030. Ketiga, kerajaan akan melaksanakan Dasar Gaji Progresif.

Ketiga-tiga aspek ini adalah asas penting dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi. Perdana Menteri menekankan Malaysia tidak boleh bertahan selama-lamanya sebagai negara berpendapatan rendah.

Bagi mencapai status negara berpendapatan tinggi, produktiviti dan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) harus dipertingkatkan lagi. Hal ini penting untuk memastikan pertumbuhan ekonomi mampu meningkatkan taraf hidup rakyat.

Dasar Gaji Progresif diharapkan dapat menanganai dan seterusnya mengatasi masalah dihadapi rakyat ketika ini berhubung pendapatan serta kerjaya mereka. Antara isu dan cabaran dikenal pasti ialah peningkatan gaji perlahan.

Menurut laporan Kertas Putih 'Cadangan Dasar Gaji Progresif', kadar pertumbuhan purata gaji menengah bulanan dari 2021 hingga 2022 hanya 4.1 peratus setahun. Implikasi gaji rendah menyebabkan pekerja membelanjakan gaji mereka untuk perkara asas dan tidak berpeluang membuat simpanan. Simpanan dalam Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP) pada puratanya sangat kecil. Mereka juga terpaksa membuat pinjaman dengan institusi kewangan.

Dasar Gaji Progresif dibentangkan melalui Kertas Putih oleh Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, pada 30 November 2023, di Parlimen bertujuan meningkatkan pendapatan pekerja di sektor swasta melalui reformasi sistem upah.

Setakat ini, kerajaan melaksanakan Perintah Gaji Minimum, berdasarkan penguatkuasaan perundangan dan Sistem Gaji berkait Produktiviti (PLWS) dijalankan secara sukarela beberapa syarikat.

Perintah Gaji Minimum berjaya meningkatkan gaji minimum pekerja swasta ke tahap sekurang-kurangnya RM1,500 bagi yang berpendapatan bulanan. PLWS pula tidak dijalankan secara menyeluruh di negara ini. Walaupun PLWS memberi manfaat kepada 43 peratus pekerja sektor swasta, namun kadar gaji tidak

dapat dipertingkatkan.

Prinsip utama Dasar Gaji Progresif

Berikut adalah prinsip dan ciri utama dalam Dasar Gaji Progresif:

● Pendapatan pekerja akan diselaraskan dengan tahap produktiviti mereka. Ini bermakna, semakin tinggi produktiviti seorang pekerja, semakin tinggi gaji diterimanya, sekali gus mendorong pekerja meningkatkan kemahiran dan prestasi.

● Dasar ini mampu mengatasi keherotan struktur gaji pekerja. Salah satu tujuan utama adalah untuk mengatasi masalah jurang gaji antara pekerja baharu dan lama serta graduan, implikasi daripada pelaksanaan Perintah Gaji Minimum.

Dengan Dasar Gaji Progresif, jurang ini diharapkan dapat dikurangkan melalui penilaian prestasi dan produktiviti lebih objektif.

● Kejayaan Dasar Gaji Progresif perlu kerjasama dan komitmen majikan serta pekerja. Majikan perlu menyokong dan melaksanakan dasar ini dengan ikhlas, sementara pekerja perlu meningkatkan kemahiran dan produktiviti mereka.

● Pembangunan kemahiran pekerja adalah penting untuk meningkatkan produktiviti mereka dan seterusnya pengeluaran syarikat. Peningkatan gaji bukan sahaja berdasarkan produktiviti semasa tetapi potensi masa depan pekerja.

Oleh itu, latihan dan pembangunan kemahiran akan menjadi komponen penting dalam dasar ini, memastikan pekerja mempunyai peluang untuk terus maju dalam karier mereka.

● Dasar Gaji Progresif akan membabitkan pemantauan dan penilaian berterusan untuk memastikan keberkesanan serta keadilan dalam pelaksanaannya. Ini termasuk mekanisme maklum balas daripada pekerja dan majikan.

Secara keseluruhannya, prinsip Dasar Gaji Progresif adalah hendak mewujudkan satu sistem lebih adil dan seimbang, yang mana peningkatan gaji berdasarkan sumbangan produktiviti individu, akhirnya meningkatkan kesejahteraan ekonomi rakyat.

Dasar Gaji Progresif dirancang dilaksanakan secara

“Prinsip Dasar Gaji Progresif adalah mewujudkan satu sistem lebih adil dan seimbang, yang mana peningkatan gaji berdasarkan sumbangan produktiviti individu”

cara sukarela, tanpa paksaan perundangan. Strategi sukarela ini boleh difahami kerana paksaan secara perundangan, terutama pada peringkat awal reformasi struktur upah, lazimnya memberi kejutan kepada dunia perniagaan dan industri serta menimbulkan reaksi tidak terduga.

Ciri-ciri Dasar Gaji Progresif terbahagi kepada tiga bahagian. Pertama, bersifat sukarela. Kedua, berteraskan insentif dan ketiga, terkait dengan produktiviti.

Ciri pertama, bersifat sukarela berdasarkan sistem tanpa paksaan perundangan di mana majikan secara sukarela tampil mendaftar sebagai majikan gaji progresif.

Ciri kedua, berteraskan insentif iaitu menggunakan sistem bantuan dana kerajaan bagi membantu majikan melaksanakan sistem gaji progresif ini. Ini kerana 97 peratus perusahaan di Malaysia bersaiz kecil dan sederhana, memerlukan bantuan kerajaan bagi membiayai kos menyertai Dasar Gaji Progresif.

Kerajaan akan memberi bantuan kewangan kepada syarikat mendaftarkan untuk menyertai dasar ini selama satu tahun.

Ciri ketiga, terkait produktiviti iaitu sistem peningkatan gaji mesti selari dengan peningkatan produktiviti. Bagi mencapai tujuan ini, majikan perlu menghantar pekerjaannya mengikuti latihan bagi meningkatkan kemahiran. Justeru, pengantungan kepada pekerja asing boleh dikurangkan.

Sementara itu, Dasar Gaji Progresif dijangka memberi faedah kepada empat juta pekerja swasta warga Malaysia dalam sektor formal bergaji antara RM1,550 sehingga RM4,999 sebulan. Implikasi seterusnya ialah jangkakan peningkatan kepada KDNK, perbelanjaan pengguna, kadar inflasi, caruman KWSP produktiviti pekerja, hasil kerajaan melalui cukai pendapatan serta penurunan kadar pengangguran.

Pelaksanaan dasar gaji progresif akan dilaksanakan dan dipantau beberapa Kementerian melalui struktur tadbir urus tersusun. Ahli jawatankuasa terbahagi mewakili pelbagai agensi kerajaan serta organisasi berkepentingan.

Pelaksanaan dasar ini dijadualkan dilaksanakan sepenuhnya selepas selesai penilaian projek rintis pada September ini. Pengalaman Singapura berhubung dasar gaji progresif wajar dipelajari Malaysia.

Pelaksanaan Dasar Gaji Progresif di Malaysia wajar dimulakan dengan syarikat dalam perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tetapi perlu juga termasuk anak syarikat kepada syarikat besar. Ini kerana ada masanya pekerja anak syarikat menerima gaji tidak seimbang dengan syarikat induk. Begitu juga, pekerja dalam kaedah penempatan luar dan mereka berkerja dalam kontrak tempoh tetap juga tidak harus dilupakan.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH